

KUALA LUMPUR, 13 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN DOKUMEN-DOKUMEN PENTING BERHUBUNG DENGAN DAYABUMI, PROTON SAGA DAN JAMBATAN PULAU PINANG DARIPADA SENARAI RAHSIA UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MENGETAHUI KEADAAN SEBENARNYA MENGENAI PROJEK-PROJEK ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SESIAPA SAHAJA, TERMASUK MEDIA MASSA, BOLEH MEMOHON UNTUK MENDAPATKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERKENAAN DARIPADA MENTERI-MENTERI BERKENAAN, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MAJLIS ULANGTAHUN KE-16 KOPERASI SHAMELIN BERHAD DI WISMA TUNKU DI SINI.

SEMASA DITANYA BILAKAH DOKUMEN-DOKUMEN ITU BOLEH DIPEROLEHI, BELIAU BERKATA TUNGGULAH SEHINGGA DIBERITAHU KELAK.

PROJEK-PROJEK PROTON SAGA, JAMBATAN PULAU PINANG DAN DAYABUMI MERUPAKAN ANTARA ISU-ISU UTAMA YANG DIGUNAKAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG BERTANDING MEREbut JAWATAN-JAWATAN DALAM PEMILIHAN UMNO PADA 24 APRIL INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN MENGELUARKAN DOKUMEN-DOKUMEN ITU DARIPADA SENARAI RAHSIA, MAKA DAPATLAH DIPERBETULKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT SALAH YANG TERSEBAR DI KALANGAN RAKYAT SEKARANG. -- LAGI  
1435MST 13 04 87

B 8730 AAB  
MAHATHIR - RAHSIA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA AKTA RAHSIA RASMI MEMBENARKAN PARA MENTERI TERMASUK PERDANA MENTERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIBERI KUASA MENGELUARKAN DARIPADA SENARAI RAHSIA (DECLASSIFY) DOKUMEN-DOKUMEN TERTENTU, JIKA DIDAPATI PERLU UNTUK KEPENTINGAN ORANG RAMAI.

MISALNYA, PROJEK-PROJEK DAYABUMI DAN JAMBATAN PULAU PINANG TELAH DIKELUARKAN DARIPADA SENARAI RAHSIA UNTUK TUJUAN PENJELASAN SEPERTI SIAPA SEBENARNYA YANG TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN, KATA BELIAU.

SEMUA PERKARA BERHUBUNG DENGAN PROJEK-PROJEK ITU BERADA DALAM MINIT MAJLIS TINDAKAN NEGARA DAN KABINET, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SURAT-SURAT PERIBADI YANG DITUJUKAN KEPADANYA JUGA BOLEH DIKELUARKAN UNTUK PENGETAHUAN RAMAI SEKIRANYA DIDAPATI PERLU.

+SEKIRANYA DIMOHON, KAMI BOLEH MENGELUARKAN DOKUMEN-DOKUMEN LAIN DARIPADA SENARAI RAHSIA, TETAPI KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGELUARKAN SEMUA, KECUALI YANG TERTENTU, ITUPUN JIKA PERLU,+ UJARNYA. -- LAGI  
1447MST 13 04 87

U 8742 AAB  
MAHATHIR - RAHSIA 3 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPAN PERASMIANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TINDAKAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID, MENDEDAHKAN SURAT-SURAT DATUK MUSA HITAM YANG MENDESAK BELIAU (PM) MENGGUGURKAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DARIPADA KABINET DI KOTA BAHARU BARU-BARU INI ADALAH TIDAK SALAH KERANA IA BERTUJUAN MEMBETULKAN MAKLUMAT SALAH YANG TERSEBAR.

+SURAT-SURAT RAHSIA PERLU DIDEBAHKAN KERANA ADA ORANG MEMBAWA CERITA BERBEZA-BEZA DAN SUKA BERBOHONG.

+ADA SURAT COP RAHSIA BESAR KEPADA PERDANA MENTERI TETAPI BOLEH DIKELUARKAN (DARI SENARAI RAHSIA) KALAU PENULISNYA BERKATA BERLAINAN DENGAN APA YANG DITULISNYA,+ KATA BELIAU.

KATANYA, JIKA TINDAKAN SEDEMIKIAN TIDAK DIAMBIL, MUNGKIN ADA ORANG YANG MEMBUAT KESALAHAN AKAN TERLEPAS DARIPADA HUKUMAN HANYA KERANA KESALAHAN ITU DIRAHSIAKAN.

PERDANA MENTERI MENARIK PERHATIAN MENGENAI PEMBOCORAN RAHSIA PENJUALAN SECARA HARAM SENJATA AMERIKA SYARIKAT KE IRAN DAN NICARAGUA YANG KERAJAAN TERPAKSA MENDEDAHKAN SEGALA KEPUTUSAN YANG DIBUAT MENGENAINYA. -- LAGI  
1527MST 13 04 87

D758

U B762 AAB  
MAHATHIR-RAHSIA 4 KUALA LUMPUR

+KALAU SAYA ADA MEMBUAT KESALAHAN, DEDAHKANLAH KESALAHAN-KESALAHAN SAYA ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI SHAMELIN, BELIAU MENGINGATKAN KEMUNGKINAN KOPERASI ITU DITUTUP SEKIRANYA ADA PIHAK LAIN MENERAJUI UMNO SELEPAS 24 APRIL.

KATANYA INI KERANA ADA PIHAK BERDENDAM DENGAN +DEWA YANG DIPETIK DARI KAYANGAN+ YANG DIBERI TEMPAT DALAM NEGARA. +UNTUK PASTIKAN ORANG ITU TERUS MEMIMPIN NEGARA DAN SHAMELIN, PARA ANGGOTA KOPERASI PERLU MEMASTIKAN KEMENANGAN PUCUK PIMPINAN SEKARANG.+

MENTERI PERTANIAN DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID DALAM UCAPANNYA MENGIKRARKAN SOKONGAN TIDAK BERBELAH BAGI PARA ANGGOTA SHAMELIN DAN MAYC TERHADAP PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ENCIK GHAFAR BABA.

BELIAU MEMBIDAS MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI YANG MENKRITIK PUCUK PIMPINAN PERDANA MENTERI DAN MENYIFATKAN MEREKA SEBAGAI TIDAK MENGENANG BUDI, BUDI YANG TELAH MENYATUPADUKAN BANGSA MELAYU. -- LAGI  
1601MST 13 04 87

D760

U B764 AAB  
MAHATHIR-RAHSIA 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI SANUSI JUGA MEMBIDAS MENTERI-MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI YANG MUDAH TERSINGGUNG LALU TIDAK MENYOKONG PERDANA MENTERI SEMATA-MATA KERANA SERING DITUKAR-TUKAR KEMENTERIAN ATAU TIDAK DINAIKKAN PANGKAT SELEPAS LAMA MEMEGANG JAWATAN TIMBALAN MENTERI.

BELIAU MENGINGATKAN ANGGOTA UMNO BERHATI-HATI MEMBUAT PEMILIHAN PADA 24 APRIL KERANA SILAP PILIH AKAN WUJUD +KABINET DISKO+. YANG HARUS DIPILIH KELAK IALAH PARA PEMIMPIN YANG DAPAT MEWUJUDKAN KABINET BERMARUAH.

PENGARAH URUSAN SHAMELIN, ENCIK ABDULLAH MAAMUOM JUNID BERKATA ANGKA KONSERVATIF YANG DIPEROLEHI SEKARANG MENUNJUKKAN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MENGEKALKAN JAWATAN PRESIDEN UMNO DENGAN MENDAPAT 871 UNDI.

YANG TURUT HADIR MENTERI BESAR PAHANG, DATUK KHALIL YAAKOB, MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK ABU HASSAN OMAR DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR SITI ZAHARAH SULAIMAN. --  
BERNAMA

1606MST 13 04 87